



Jadilah  
sebahagian  
daripada  
penyelesaian  
dan bukan  
**masalah.**

**Bercakap** sahaja tidak menyelesaikan masalah Denggi; kita perlu **bertindak**. Lebih daripada 70% tempat pembiakan Aedes terdapat di persekitaran kediaman kita. Oleh itu, penting bagi kita meluangkan masa untuk memastikan kesemua tempat pembiakan Aedes dihapuskan. Sikap “**tidak apa**” dan mementingkan diri sebenarnya membawa kemudaratan kepada keluarga serta jiran tetangga.

Jadilah warga yang bertanggungjawab. **Bertindak sekarang!** Bersih dan hapuskan bekas styrofoam, botol kaca atau plastik, beg plastik, tayar-tayar buruk, bekas lapik pasu bunga atau objek yang boleh menampung air. Pastikan anda mengikat plastik sampah dengan sempurna dan masukkan ke dalam tong sampah yang bertutup.

**TIDAK PEDULI, MAUT MENANTI!**

